

**DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KETIGA BELAS
(2014)**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB TUAN M. KULASEGARAN [IPOH BARAT]

TARIKH : 17 JUN 2014 (SELASA)

SOALAN :

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilakah Kerajaan akan membuat perubahan undang-undang yang akan mengimplementasi (implementation) ke atas keputusan Kabinet pada tahun 2009 supaya mengharamkan kes penukaran dan pengislaman anak-anak tanpa mendapat keizinan daripada ibu dan bapa.

JAWAPAN: (Y.B. MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan menyedari permasalahan agama anak yang berbangkit dari pemeluk agama Islam oleh salah seorang ibu atau bapa. Pada masa ini, Kerajaan tidak bercadang untuk membuat apa-apa pindaan terhadap peruntukan undang-undang berkenaan dengan pemeluk Islam anak-anak yang berumur bawah 18 tahun.

Dalam hal ini, apa-apa penyelesaian yang hendak dibuat perlu merujuk kepada peruntukan Perkara 12(4) Perlembagaan Persekutuan di mana agama bagi kanak-kanak yang berumur di bawah 18 tahun hendaklah ditetapkan oleh ibu atau bapa atau penjaganya. Dalam kes *Shamala Sathiyaseelan v Dr. Jeyaganesh C. Mogarajah & Anor* [2004] 2 CLJ 416 yang mana Mahkamah Persekutuan telah memutuskan bahawa berdasarkan Perkara 12(4) Perlembagaan Persekutuan, agama anak yang berumur di bawah 18 tahun boleh ditentukan oleh ibu atau bapa masing-masing.

Berdasarkan keputusan kes ini, persetujuan salah satu pihak sahaja adalah memadai dalam penentuan agama seorang kanak-kanak kerana perkataan yang digunakan dalam Perkara 12(4) ini adalah parent or guardian bukannya *parents or guardian* yang mana bermaksud ibu atau bapa atau penjaga.

Oleh itu, semua pihak perlulah tertakluk kepada undang-undang yang sedang berkuat kuasa memandangkan Kerajaan belum meminda apa-apa peruntukan undang-undang.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN LIEW CHIN TONG [SELAYANG]

TARIKH : 17 JUN 2014 (SELASA)

SOALAN : 51

Tuan Liew Chin Tong [Kluang] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan:

- (a) syor-syor laporan nahas bas Genting Highland pada 21 Ogos 2014 yang telah dilaksanakan oleh Kementerian dan SPAD; dan
- (b) adakah Menteri mengambil keputusan untuk merombak semula sistem pemeriksaan kenderaan bermotor yang kini diswastakan kepada PUSPAKOM di mana kelemahannya telah dikenalpasti oleh Panel Bebas tersebut. Berapakah jumlah Tabung Kumpulan Wang Amanah Pengangkutan Awam yang telah dibelanjakan sejak penubuhannya dan perbelanjaan terperinci mengikut laluan bas (*bus route*).

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

- a) Antara 51 cadangan yang telah dan sedang diambil tindakan oleh agensi-agensi di bawah Kementerian Pengangkutan adalah seperti berikut:
- (i) berhubung teguran panel terhadap dokumen teknikal yang tidak dikemaskini, SOP Proses VTA telah dikemaskini setiap masa dan segala dokumen terutamanya Sijil VTA dan dokumen rasmi lain disimpan dengan baik dan selamat;
 - (ii) bagi pengurusan dokumen yang lebih selamat dan mudah dicapai, pihak JPJ akan menambahbaik sistem pengurusan kelulusan melalui penggunaan sistem MySIKAP di mana dokumen surat kelulusan akan diproses secara atas talian dan maklumat disimpan dalam bentuk *softcopy* di JPJ Cyberjaya;
 - (iii) berhubung cadangan untuk menguatkuasakan pemasangan tali pinggang keledar keselamatan terhadap bas di semua tempat duduk, buat masa ini, pihak JPJ telahpun menyediakan pindaan Kaedah Kenderaan Motor (Tali Pinggang Keledar) bagi memastikan penguatkuasaan pemasangan tali pinggang keledar pada setiap tempat duduk dalam bas dapat dilaksanakan mulai tahun 2015;

- (iv) bagi cadangan untuk mewajibkan penggunaan *Brake Retarder* untuk kenderaan awam dan kenderaan barangan, pihak JPJ telahewartakan Peraturan UN R13 (*Braking*) pada 15 Disember 2011 dan telahpun dikuatkuasakan mulai 1 Januari 2012 melalui prosedur *Vehicle Type approval (VTA)*;
- (v) bagi penggunaan *speed limiter*, pihak JPJ sedang merangka mekanisma penguatkuasaan pemasangan *Speed Limiter Device* terhadap kenderaan perdagangan menerusi Peraturan UN R89: *Speed Limiter Device*. Penguatkuasaan bagi model baru bermula 1 Januari 2015 manakala model sedia ada bermula 1 Januari 2017; dan
- (vi) penguatkuasaan *Safety Star Grading* kepada semua operator bas bermula Julai 2014 bagi membolehkan pengguna mengetahui tahap keselamatan pengoperasian syarikat bas masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua,

- b) Setakat ini, tiada perancangan untuk merombak semula sistem pemeriksaan kenderaan bermotor yang kini diswastakan kepada PUSPAKOM. Cadangan-cadangan yang dikemukakan oleh Panel Penasihat Bebas akan diperhalusi bagi tujuan penambahbaikan operasi PUSPAKOM. Untuk makluman, Perjanjian Konsesi PUSPAKOM adalah selama 15 tahun dan akan berakhir pada tahun 2024.

Merujuk kepada jumlah tabung Kumpulan Wang Amanah Pengangkutan Awam (KWAPA) yang telah dibelanjakan, berdasarkan maklumat daripada pihak Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD), sehingga 31 Mac 2014, pihaknya telah mengagihkan peruntukan sebanyak RM218.5 juta merangkumi 682 laluan bas di seluruh Malaysia. Daripada jumlah tersebut, 528 laluan adalah di Semenanjung Malaysia dengan jumlah bantuan dana sebanyak RM201.5 juta manakala sebanyak RM17 juta disalurkan kepada 154 laluan di Sabah dan Sarawak.